



TEKS UCAPAN

PPjB Ts. FARHAN SUFYAN BIN BORHAN
YS PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI KELANTAN

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERKHEMAHAN KADET
BOMBA DAN PENYELAMAT PERINGKAT NEGERI
KELANTAN TAHUN 2025

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI
KELANTAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Saudara dan Saudari Pengacara Majlis
serta Pembaca Doa.

Yang Dihormati,

PKPjB Rozihan Anwar Bin Mamat

Ketua Seksyen Perancangan, Bahagian Latihan

Ibu Pejabat JBPM Putrajaya

Yang Berusaha,

Encik Mazlan Yaakob

Timbalan Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Yang Berusaha,

Encik Mohd Zaidi Bin Mohd Zin

Pegawai Pendidikan Daerah Tanah Merah

Yang Berusaha,

Datuk Nik Sapeia bin Nik Yusof

Pengurus

Putera Valley Resort & Training Center

Pegawai- Pegawai Pendidikan Daerah,

Penolong-penolong Pengarah Bahagian,

Ketua-ketua Zon, Pegawai-pegawai Kanan Jabatan, Guru
Guru, Para Jurulatih dan Pengadil Kadet Bomba

Ketua - ketua Balai, tuan-tuan dan puan-puan yang saya
muliakan.

Salam Sejahtera, Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat
Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra dan Salam
Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu marilah kita melafazkan syukur ke hadrat
Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua kita dapat
berkumpul di Putera Valley Resort & Training Center bagi
MAJLIS PENUTUPAN PERKHEMAHAN KADET
BOMBA DAN PENYELAMAT PERINGKAT NEGERI
KELANTAN TAHUN 2025

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur di atas usaha dan komitmen tinggi yang bagi menjayakan Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri Kelantan pada kali ini.
3. Tidak saya lupakan, kepada semua ahli Kadet Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan yang telah berkhemah dan menjalani perkhemahan kadet bomba selama tiga hari di sini. Tahniah dan Syabas kerana berjaya mengharungi segala aktiviti yang dirancang dengan jayanya.

4. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan terutamanya Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan pihak pengurusan Putera Valley Resort & Training Center yang telah memberikan komitmen yang cukup tinggi sehingga akhirnya kita mampu menjayakan perkhemahan ini.
5. Kepada semua guru-guru, jurulatih, pengadil dan semua pihak yang terlibat menjayakan program ini, saya dengan tulus hati mengucapkan jutaan penghargaan atas sumbangan bakti tuan puan semua bermula dari awal perancangan sehinggalah perkhemahan ini berjaya dilangsungkan. Terima kasih sekali lagi kepada semua saya ucapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Pelaksanaan Kadet Bomba telah disesuaikan dengan fungsi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia, agar pelaksanaannya memberi faedah bersama kepada semua pihak yang terlibat khasnya dan kepada pelajar-pelajar ahli Kadet Bomba itu sendiri amnya. Selari dengan konsep ini, saya percaya, segala pengajaran dan pembelajaran yang terkandung dalam silibus Kadet Bomba ini mampu untuk

melahirkan seorang insan yang bukan hanya berilmu dan berpengetahuan malahan juga seorang yang mempunyai tahap disiplin yang tinggi, adab dan akhlak yang terbaik serta mampu untuk bersaing.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Saya telah dimaklumkan bahawa, pada tahun 2025 ini, Terdapat Pertandingan Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan yang terdiri dari dua kategori iaitu Kategori Bersemuka iaitu Perkhemahan Peringkat Kebangsaan dan Kategori Dalam Talian melibatkan video Kawad Kaki dan Montaj.
8. Pertandingan Perkhemahan Peringkat Kebangsaan ini akan dijalankan pada 8 –11 September 2025 bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Marang, Terengganu.
9. Maka besarlah harapan saya, pada tahun ini Kadet Bomba dan Penyelamat Negeri Kelantan bukan sahaja mampu memberi saingan tetapi siapa tahu mungkin akan menjadi juara secara keseluruhannya.

10. Saya percaya, berdasarkan perancangan Bahagian Latihan dan juga peranan jurulatih kadet bomba serta guru-guru disekolah tidak mustahil Kadet Bomba Negeri Kelantan mampu mendapat tempat terbaik di peringkat kebangsaan. Insya-Allah.

11. Namun, perancangan tanpa usaha adalah sesuatu yang akan menyebabkan impian kita menjadi musnah. Kendatipun begitu, jika kita berusaha dengan berlipat ganda, maka sudah pasti kita akan mendapat kejayaan yang setimpal.
12. Pesan saya kepada yang akan mewakili negeri Kelantan kelak, berusahalah dengan bersungguh-sungguh agar kita dapat menikmati kejayaan kelak.

Ahli Kadet Bomba yang saya sayangi,

13. Suka saya menyeru agar tuan-tuan dapat mengaplikasikan sebaik mungkin ilmu kebombaan yang dipelajari selama ini serta sama- sama berganding bahu bagi melahirkan warga Malaysia yang responsif, komuniti yang berdaya tahan (*resilience community*) serta berupaya mengadaptasi konsep *citizen life saver* dalam kehidupan seharian. Terus terapkan amalan disiplin yang tinggi, dan kepimpinan yang berhemah bagi membentuk keperibadian diri dan identiti unggul tuan-tuan serta sekolah tuan-tuan.

Hadirin sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan Program Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2025 dengan jayanya.
15. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Bahagian Latihan Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan di atas kerjasama yang amat baik dalam menganjurkan majlis yang bermakna ini. Kita juga amat berterima kasih kepada Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah yang menjadi tuan rumah (pengelola) bagi melaksanakan Program Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2025 ini.
16. Kepada barisan Guru-Guru, Pegawai Teknikal Kadet Bomba, terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama dan khidmat yang telah diberikan selama kita berkerjasama di Perkhemahan ini demi tanggungjawab terhadap anak-anak bangsa yang disayangi.

17. Saya juga berdoa agar Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan amnya dan Pejabat Pendidikan Daerah khasnya akan terus cemerlang serta berjaya melahirkan lebih ramai pelajar yang berpengetahuan tinggi bagi meneruskan legasi kepimpinan negara pada masa hadapan

Akhir kata, dengan lafaz mulia



Saya dengan sukacitanya merasmikan penutupan Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Negeri Kelantan pada tahun 2025.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian, Terima kasih.